

UPM raih anugerah pada MEA 2016

Kuala Lumpur:

Kejayaan Universiti Putra Malaysia (UPM) merangkul Anugerah Universiti Awam (UA) Paling Berkeusahawanan pada Anugerah Keusahawanan Kementerian Pendidikan Tinggi (MEA) 2016, menyemarakkan

lagi semangat warga universiti itu untuk terus melakar kecemerlangan.

Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata kemenangan julung kali itu menunjukkan bahawa kakitangan dan pelajar universiti

berkenaan mampu mencapai pelbagai kejayaan besar, termasuk dalam bidang keusahawanan.

“Saya berharap semua pelajar akan bersama membabitkan diri dalam program dijalankan universiti kerana boleh membantu mereka lebih berjaya pada

masa depan,” katanya.

Hadiah geran

Beliau yang turut melahirkan kesyukuran dan terima kasih kepada warga UPM atas kemenangan itu, menerima anugerah terbabit yang disampaikan oleh Menteri

Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, pada majlis di sini, baru-baru.

Kemenangan itu sekali gus menyaksikan UPM membawa pulang hadiah geran pembangunan keusahawanan bernilai RM200,000, trofi, plak dan sijil.

**Fakta
nombor**

MEA 2016

RM200,000

geran dimenangi UPM